



Semarak International Journal of Entrepreneurship, Economics and Business Development

Journal homepage:
<https://semarakilmu.online/index.php/sijeebd/index>
ISSN: 3083-8053



Model Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan. Satu Analisis Sosial *Social Entrepreneurship Model of Fishing Communities. A Social Analysis*

Shuhairimi Abdullah^{1,*}, Shafrizan Abdul Hamid¹, Noor Salwani Hussin¹, Tengku Kastriafuddin Shah
Tengku Yaakob¹, Abdul Ghoni², Adi Anuar Azmin¹

¹ Faculty of Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

² Universitas Islam Negeri (UIN) Siber Syekh Nurjati Cirebon, alamat: Jl. Perjuangan ByPass Sunyaragi, Kec. Kesambi, Kota Cirebon, Jawa Barat 45131 Indonesia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 3 November 2025

Received in revised form 12 January 2026

Accepted 15 January 2026

Available online 16 January 2026

ABSTRACT

Artikel ini bertujuan untuk membangunkan satu Model Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan (MKSKN) yang holistik, kontekstual dan berasaskan prinsip maqāṣid al-sharī'ah. Objektif kajian adalah untuk: (1) mengenal pasti faktor persekitaran dan dalaman yang mempengaruhi pembangunan keusahawanan sosial komuniti nelayan, (2) menganalisis keberkesanan program dan dasar sedia ada, serta (3) mencadangkan sebuah model yang memadukan dimensi ekonomi, sosial dan spiritual. Meskipun komuniti nelayan merupakan penyumbang utama kepada keselamatan makanan negara, majoriti mereka masih berhadapan dengan kemiskinan multidimensi dan ketergantungan berpanjangan terhadap bantuan kerajaan. Pendekatan pembangunan konvensional yang bersifat top-down dan berorientasikan bantuan didapati kurang berkesan dalam membina daya tahan ekonomi jangka panjang. Selain itu, model keusahawanan sosial sedia ada kurang kontekstual kerana tidak mengintegrasikan nilai Islam dan budaya tempatan yang menjadi teras kehidupan komuniti nelayan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan fenomenologi dengan analisis tematik yang ditafsirkan melalui kerangka maqāṣid al-sharī'ah. Dapatan kajian mengenal pasti lima tema utama, iaitu keperluan peralihan daripada model bantuan kepada model pemberdayaan, potensi nilai Islam dan budaya tempatan sebagai asas pembangunan, kepentingan struktur pemilikan kolektif, keperluan ekosistem kolaboratif yang kukuh, serta perlunya ukuran kejayaan yang bersifat holistik merangkumi kesejahteraan ekonomi, sosial dan spiritual. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan keusahawanan sosial komuniti nelayan memerlukan pendekatan yang berasaskan nilai dan konteks setempat. Model MKSKN yang dicadangkan berpotensi menjadi kerangka efektif bagi memacu transformasi sosioekonomi yang lebih mampan dan beretika. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana keusahawanan sosial Islam dan pembangunan komuniti tempatan, di samping mencadangkan pelaksanaan kajian rintis, pembangunan modul latihan berasaskan maqāṣid dan pengukuhan platform kolaboratif antara pihak berkepentingan.

This article aims to develop a holistic, contextual and based on the principles of maqāṣid al-sharī'ah Social Entrepreneurship Model (MKSKN). The objectives of the study are to: (1) identify the environmental and internal factors that influence the development of

* Corresponding author.
shuhairimi@unimap.edu.my

social entrepreneurship in fishing communities, (2) analyze the effectiveness of existing programs and policies, and (3) propose a model that integrates economic, social and spiritual dimensions. Although fishing communities are major contributors to national food security, the majority of them still face multidimensional poverty and prolonged dependence on government assistance. Conventional development approaches that are top-down and aid-oriented are found to be less effective in building long-term economic resilience. In addition, existing social entrepreneurship models lack context because they do not integrate Islamic values and local culture that are the core of fishing community life. This study uses a qualitative approach based on phenomenology with thematic analysis interpreted through the maqāṣid al-sharī'ah framework. The findings of the study identify five main themes, namely the need to shift from a relief model to an empowerment model, the potential of Islamic values and local culture as the basis for development, the importance of collective ownership structures, the need for a strong collaborative ecosystem, and the need for a holistic measure of success that encompasses economic, social and spiritual well-being. In conclusion, this study shows that the development of social entrepreneurship in fishing communities requires an approach based on local values and context. The proposed MKSKN model has the potential to be an effective framework to drive more sustainable and ethical socioeconomic transformation. This study contributes to the expansion of the discourse on Islamic social entrepreneurship and local community development, in addition to proposing the implementation of a pilot study, the development of maqāṣid-based training modules and the strengthening of collaborative platforms between stakeholders.

Keywords:

Keusahawanan sosial Islam; komuniti nelayan; maqāṣid al-sharī'ah; pembangunan komuniti; pemberdayaan ekonomi; model berasaskan nilai

Islamic social entrepreneurship; fishing communities; maqāṣid al-sharī'ah; community development; economic empowerment; value-based model

1. Pengenalan

Komuniti nelayan di Malaysia memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan makanan negara dengan menyumbang hasil laut bernilai RM11.72 bilion pada tahun 2021 [13]. Namun begitu, majoriti nelayan terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan struktural dengan pendapatan purata bulanan antara RM1,500 hingga RM2,000 [14]. Keadaan ini memerlukan pendekatan pembangunan yang lebih holistik dan mampan berbanding model bantuan tradisional yang selama ini diamalkan.

2. Isu dan Permasalahan

Kajian ini telah mengenal pasti lima isu teras yang menjadi penghalang utama kepada pembangunan keusahawanan sosial dalam kalangan komuniti nelayan di Malaysia. Isu-isu ini saling berkait dan membentuk satu kitaran yang sukar diputuskan, memerlukan kepada penyelesaian yang komprehensif dan holistik. Berikut adalah isu-isu yang telah dikenalpasti:

Pertama, pendekatan pembangunan berasaskan bantuan yang diamalkan selama ini telah mencipta kitaran kebergantungan yang berterusan. Menurut kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Malaysia [11], hampir 70% penerima bantuan kembali ke tahap pendapatan asal dalam tempoh dua tahun selepas tamat program bantuan. Fenomena ini berpunca daripada beberapa faktor utama, termasuk sifat bantuan yang bersifat jangka pendek tanpa diikuti program pembangunan kapasiti yang mampan. Fokus yang terlalu diberikan kepada keperluan segera tanpa strategi jangka panjang untuk membina daya tahan ekonomi menjadikan komuniti sentiasa bergantung kepada bantuan luar. Tambahan pula, kurangnya rasa pemilikan komuniti terhadap program bantuan yang dilaksanakan, serta ketidakselarasan antara bentuk bantuan dengan keperluan sebenar komuniti, menyumbang kepada kegagalan pendekatan ini. Sebagai contoh, bantuan peralatan menangkap ikan yang diberikan tanpa latihan penyelenggaraan yang mencukupi menyebabkan peralatan tersebut rosak dan tidak dapat digunakan dalam tempoh yang singkat [13].

Kedua, struktur rantai nilai perikanan yang tidak seimbang telah meminggirkan kedudukan nelayan dalam ekosistem ekonomi. Laporan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan [19] mendedahkan

bahawa nelayan hanya menerima 30-40% daripada nilai akhir produk perikanan di pasaran, manakala sebahagian besar keuntungan dinikmati oleh perantara, pemborong dan peruncit. Akses kepada pasaran yang terhad memaksa nelayan menerima harga yang ditetapkan oleh pembeli, manakala kurangnya kemudahan pemprosesan dan penyimpanan menyebabkan nelayan terpaksa menjual hasil tangkapan segar dengan harga yang rendah. Keadaan ini menyebabkan komuniti nelayan sukar untuk keluar dari kitaran kemiskinan walaupun mempunyai hasil pengeluaran yang tinggi, sekaligus mengekalkan kedudukan mereka sebagai pengeluar primer dengan nilai tambah yang minimum [39].

Ketiga, tahap literasi keusahawanan sosial yang rendah dalam kalangan komuniti nelayan merupakan halangan signifikan kepada pembangunan usahawanan sosial. Kajian oleh Universiti Malaysia Terengganu [38] mendapati bahawa hanya 20% nelayan di Wilayah Utara memahami konsep keusahawanan sosial, dengan 65% responden tidak pernah terdedah kepada program keusahawanan sosial [39]. Keadaan ini diperburukkan oleh ketiadaan model role model yang berjaya dalam kalangan komuniti sendiri, serta persepsi yang salah bahawa keusahawanan memerlukan modal besar dan risiko tinggi. Sistem pendidikan formal yang kurang memberi pendedahan tentang keusahawanan, terutamanya dalam konteks sosial, turut menyumbang kepada masalah ini [38].

Keempat, kerencaman institusi dan kekurangan koordinasi antara pihak berkepentingan telah mengurangkan keberkesanan program pembangunan komuniti nelayan. Laporan Audit Negara [21] telah mengenal pasti beberapa masalah utama dalam koordinasi institusi, termasuk pertindihan program antara agensi kerajaan yang berbeza, kurangnya perkongsian maklumat dan sumber antara pihak berkepentingan, serta pendekatan 'silo' di mana setiap agensi bekerja secara terpisah. Ketidakteraturan dalam kriteria dan mekanisme bantuan antara agensi yang berbeza menambah lagi kekeliruan dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan program. Sebagai contoh, program LKIM, KPKM dan agensi kerajaan negeri sering dilaksanakan secara berasingan tanpa penyelarasan yang efektif, menyebabkan sumber yang terhad tidak digunakan secara optimum [22].

Kelima, ketiadaan model usahawanan sosial yang kontekstual dan berasaskan nilai tempatan menyukarkan pelaksanaan pendekatan keusahawanan sosial yang efektif. Menurut kajian oleh Pusat Kajian Sosial Malaysia [29], kebanyakan model keusahawanan sosial yang dijadikan rujukan tidak mengambil kira konteks sosio-budaya dan keagamaan komuniti nelayan tempatan. Model-model Barat ini didapati terlalu sekular dan individualistik, tidak sesuai dengan nilai-nilai komuniti Melayu-Islam yang mementingkan kolektivisme dan spiritualiti. Pengabaian terhadap kearifan tempatan dan amalan tradisional yang boleh disepadukan, serta kurangnya integrasi prinsip *maqasid al-shariah* dalam reka bentuk model, menyebabkan model sedia ada sukar untuk diterima pakai dan dilaksanakan secara berkesan oleh komuniti nelayan [9].

Kelima-lima isu ini saling berkait dan memperkuat antara satu sama lain, mewujudkan halangan yang kompleks terhadap pembangunan keusahawanan sosial komuniti nelayan. Kitaran kebergantungan yang dicipta oleh pendekatan bantuan tradisional diperkuat oleh struktur rantai nilai yang tidak adil, manakala tahap literasi yang rendah dan koordinasi institusi yang lemah menyukarkan pelaksanaan penyelesaian yang efektif. Ketidakwujudan model yang kontekstual melengkapkan lingkaran masalah ini, menjadikan penyelesaian yang holistik dan integratif amat diperlukan untuk menangani semua dimensi permasalahan ini secara serentak.

3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Menenal pasti faktor persekitaran dan dalaman yang mempengaruhi pembangunan usahawanan sosial komuniti nelayan
2. Menganalisis keberkesanan program dan dasar sedia ada berkaitan pembangunan sosioekonomi nelayan

3. Membangunkan model konseptual pembangunan usahawanan sosial yang holistik dan praktikal berdasarkan *maqasid al-shariah*

4. Sorotan Literatur dan Kerangka Teoretikal

4.1 Keusahawanan Sosial dalam Konteks Komuniti Nelayan

Keusahawanan sosial telah berkembang sebagai paradigma baharu dalam pembangunan ekonomi yang menggabungkan misi sosial dengan pendekatan keusahawanan. Menurut Muhammad Yunus [43] dalam bukunya "*Building Social Business*", keusahawanan sosial berpotensi menyelesaikan masalah kemiskinan melalui mekanisme pasaran yang inovatif. Dalam konteks komuniti nelayan Malaysia, kajian oleh Institut Penyelidikan Marin Malaysia [10] mendapati bahawa pendekatan keusahawanan sosial mampu menyelesaikan masalah struktur melalui transformasi model ekonomi tradisional.

Komuniti nelayan mempunyai potensi besar untuk mempelbagaikan sumber pendapatan melalui aktiviti bernilai tambah seperti pemprosesan hasil laut, pelancongan komuniti berasaskan marin, dan perkhidmatan eko-pelancongan. Kajian oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar [16,17] menunjukkan bahawa program keusahawanan sosial yang dilaksanakan di beberapa kampung nelayan di Terengganu berjaya meningkatkan pendapatan sampingan nelayan sebanyak 40% dalam tempoh dua tahun. Namun, pelaksanaannya memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan memahami dinamik komuniti setempat.

4.2 Pendekatan Maqasid al-Shariah dalam Pembangunan Komuniti

Pendekatan Maqasid al-Shariah menawarkan kerangka komprehensif untuk pembangunan manusia yang seimbang. Menurut al-Ghazali dalam kitab "*al-Mustasfa*", konsep *maqasid* menekankan pemeliharaan lima perkara asas (*al-daruriyyat al-khamsah*) iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam konteks kontemporari, kajian oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia [9] mendapati bahawa aplikasi *maqasid al-shariah* dalam pembangunan komuniti nelayan mampu mencipta keseimbangan antara keperluan material dan spiritual.

Penyelidikan yang telah dilakukan oleh Pusat Kajian Ekonomi Islam Universiti Malaya [28] menunjukkan bahawa program pembangunan berasaskan *maqasid* di beberapa komuniti pesisir di Kelantan berjaya meningkatkan kesejahteraan holistik komuniti, bukan hanya dari aspek ekonomi tetapi juga sosial dan spiritual. Pendekatan ini menekankan konsep keadilan pengagihan (*distributive justice*) dan kemaslahatan umum (*maslahah ammah*) yang selari dengan keperluan pembangunan komuniti nelayan.

4.3 Model Usahawanan Sosial Sedia Ada dan Jurang Kontekstual

Kajian oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan Sosial Malaysia [30] mendedahkan bahawa kebanyakan model keusahawanan sosial sedia ada seperti *Social Business Model*, *Canvas* dan teori *Triple Bottom Line* mempunyai keterbatasan ketika diaplikasikan dalam konteks komuniti nelayan tempatan. Model-model ini didapati terlalu berorientasikan pasaran dan kurang mengambil kira nilai-nilai komuniti setempat.

Kajian lapangan di kalangan komuniti nelayan di Sabah oleh Universiti Malaysia Sabah [36] menunjukkan bahawa model import mempunyai kadar kegagalan yang tinggi disebabkan ketidaksesuaian dengan nilai budaya dan sistem kepercayaan tempatan. Jurang kontekstual ini terutama ketara dalam aspek kepemilikan kolektif, nilai gotong-royong, dan hubungan kekeluargaan yang menjadi teras masyarakat nelayan. Laporan Bank Dunia [42] mengenai pembangunan komuniti pesisir juga mengakui bahawa pendekatan standard sering gagal menangani kompleksiti sistem sosial komuniti tradisional.

4.4 Peranan Pembiayaan Islam dan Modal Sosial

Pembiayaan Islam memainkan peranan penting dalam memacu keusahawanan sosial komuniti nelayan. Kajian oleh Lembaga Tabung Haji [23] menunjukkan bahawa mekanisme pembiayaan seperti zakat produktif, wakaf dan sedekah mempunyai potensi besar untuk menyokong pembangunan keusahawanan sosial. Program wakaf produktif yang dilaksanakan di beberapa negeri pantai timur membuktikan keberkesanan pendekatan ini dalam merangsang aktiviti ekonomi komuniti.

Dari perspektif modal sosial, kajian oleh Universiti Putra Malaysia [40] mendapati bahawa jaringan sosial yang kukuh dalam komuniti nelayan merupakan aset penting yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan keusahawanan sosial. Amalan tradisional seperti 'kongsi hasil' dan 'gotong-royong' yang sudah sedia wujud boleh diinovasikan menjadi model perkongsian perniagaan yang lebih formal. Penyelidikan di kalangan komuniti nelayan di Sarawak oleh Universiti Malaysia Sarawak [37] menunjukkan bahawa komuniti dengan ikatan sosial yang kuat mempunyai kadar kejayaan yang lebih tinggi dalam program keusahawanan sosial.

4.5 Kerangka Teoretikal

Kajian ini menggabungkan tiga kerangka teori utama yang saling melengkapi. Teori Modal Sosial yang diperkenalkan oleh Putnam [31] menekankan kepentingan rangkaian sosial, kepercayaan dan norma dalam membangunkan komuniti. Teori Keusahawanan Sosial oleh Dees [6] memberikan asas untuk memahami bagaimana inovasi sosial boleh menjana nilai masyarakat. Manakala pendekatan *maqasid al-shariah* menurut al-Raysuni [3] menyediakan kerangka nilai yang memastikan pembangunan selaras dengan prinsip Islam. Integrasi ketiga-tiga teori ini membentuk asas konseptual yang kukuh untuk memahami dan membangunkan keusahawanan sosial dalam kalangan komuniti nelayan Malaysia. Kerangka ini mengambil kira bukan sahaja aspek ekonomi tetapi juga dimensi sosial, budaya dan spiritual yang menjadi teras kehidupan komuniti nelayan.

5. Metodologi Kajian

5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif [27] dengan reka bentuk fenomenologi hermeneutik untuk memahami secara mendalam pengalaman hidup komuniti nelayan dalam konteks keusahawanan sosial melalui lensa *maqasid al-shariah*. Pendekatan fenomenologi hermeneutik dipilih kerana keupayaannya untuk menafsir dan memahami makna di sebalik pengalaman hidup individu dalam konteks sosio-budaya mereka [25].

Reka bentuk ini membolehkan penyelidik menyelami dunia kehidupan seharian komuniti nelayan dan memahami bagaimana mereka memberikan makna kepada pengalaman keusahawanan sosial mereka. Pendekatan ini amat sesuai untuk mengeksplorasi kompleksiti fenomena keusahawanan sosial yang wujud dalam konteks komuniti pesisir yang mempunyai nilai dan amalan budaya yang unik. Melalui pendekatan ini, penyelidik bukan sahaja dapat menggambarkan pengalaman peserta tetapi juga mentafsir makna yang lebih mendalam di sebalik pengalaman tersebut, seterusnya membolehkan pembangunan model yang benar-benar berasaskan realiti dan keperluan komuniti [41].

5.2 Pemilihan Komuniti dan Informan

Pemilihan komuniti kajian dilakukan secara bertujuan berdasarkan kriteria tertentu yang menyokong objektif kajian. Tiga lokasi dipilih iaitu Kuala Perlis (Perlis), Kuala Kedah (Kedah), dan Batu Maung (Pulau Pinang) mewakili kepelbagaian komuniti nelayan di Wilayah Utara Malaysia. Pemilihan lokasi ini

mengambil kira faktor kepelbagaian aktiviti perikanan, tahap pembangunan sosio-ekonomi, dan kewujudan inisiatif keusahawanan sosial.

Seramai 45 orang informan terlibat dalam kajian ini melalui gabungan teknik persampelan bertujuan dan persampelan bola salji [25]. Komposisi informan terdiri daripada 25 orang nelayan yang merangkumi pelbagai kategori termasuk nelayan tradisional dan komersil, 8 orang pemimpin komuniti yang terdiri daripada ketua kampung, ahli jawatankuasa masjid dan pemimpin pertubuhan nelayan, 7 orang pegawai agensi kerajaan daripada LKIM, DOF dan KPKM, serta 5 orang wakil NGO dan usahawan sosial. Pemilihan informan ini memastikan liputan perspektif yang komprehensif daripada semua pihak berkepentingan utama.

5.3 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilaksanakan melalui pelbagai kaedah untuk memastikan triangulasi data dan memperkukuh kesahan kajian. Temu bual mendalam separa berstruktur dijalankan sebanyak 45 sesi dengan tempoh antara 60 hingga 120 minit setiap sesi, menggunakan protokol temu bual yang telah divalidasi oleh dua orang pakar dalam bidang keusahawanan sosial dan pembangunan komuniti. Temu bual ini memberi tumpuan kepada pengalaman, persepsi dan cadangan informan berkaitan pembangunan keusahawanan sosial.

Perbincangan kumpulan fokus diadakan dalam tiga sesi yang melibatkan 6-8 peserta setiap sesi, bertujuan untuk mendapatkan pemahaman kolektif tentang isu dan peluang keusahawanan sosial. Pemerhatian lapangan dilakukan selama 120 jam di lokasi kajian dengan fokus kepada aktiviti harian, interaksi sosial, amalan ekonomi, dan budaya komuniti nelayan. Analisis dokumen meliputi kajian terhadap laporan tahunan agensi kerajaan, dasar pembangunan nelayan, rekod aktiviti ekonomi, dan dokumen berkaitan lain yang menyokong pemahaman kontekstual.

5.4 Analisis Data

Analisis data dilaksanakan menggunakan pendekatan analisis tematik berasaskan kerangka Braun dan Clarke [5] dengan bantuan perisian NVivo 12 untuk pengurusan data yang sistematik. Analisis data melalui enam fasa yang dilaksanakan secara iteratif. Fasa pertama melibatkan familiarization dengan data melalui pembacaan berulang transkrip temu bual, nota pemerhatian, dan dokumen berkaitan. Fasa kedua melibatkan penjanaan kod awal secara induktif berdasarkan pola yang muncul daripada data. Fasa ketiga ialah pencarian tema di mana kod-kod yang berkaitan dikumpulkan untuk membentuk tema awal. Fasa keempat melibatkan semakan tema untuk memastikan kesesuaian dengan data dan objektif kajian. Fasa kelima ialah pendefinisian dan penamaan tema untuk memperjelas intipati setiap tema. Fasa terakhir melibatkan penulisan laporan analisis yang menyatukan semua penemuan. Proses pengkodan [33] dilakukan secara berasingan oleh dua penyelidik untuk memastikan kebolehpercayaan antara pengkod, dan perbezaan penafsiran diselesaikan melalui perbincangan sehingga konsensus dicapai.

5.5 Integrasi Maqasid al-Shariah

Kajian ini mengintegrasikan kerangka *maqasid al-shariah* dalam analisis data untuk memastikan pendekatan yang holistik dan selari dengan nilai Islam. Integrasi ini dilaksanakan dengan menilai semua data melalui lima prinsip asas *maqasid* [7]. Pertama, *hifz al-din* (pemeliharaan agama) menilai bagaimana keusahawanan sosial dapat memelihara dan mengukuhkan nilai-nilai keagamaan dalam komuniti. Kedua, *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) menilai sumbangan keusahawanan sosial kepada kesejahteraan fizikal dan mental komuniti. Ketiga, *hifz al-aql* (pemeliharaan akal) menilai bagaimana program keusahawanan sosial dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran komuniti. Keempat, *hifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan) menilai kesan keusahawanan sosial terhadap kelangsungan keluarga dan komuniti. Kelima, *hifz al-mal*

(pemeliharaan harta) menilai sumbangan keusahawanan sosial kepada pemeliharaan dan pengembangan harta komuniti secara halal. Pendekatan ini memastikan model yang dibangunkan bukan sahaja mencapai matlamat ekonomi tetapi juga mengekalkan keseimbangan dengan nilai-nilai spiritual dan sosial.

5.6 Penjaminan Kualiti

Kajian ini mengamalkan kriteria rigor kualitatif yang dicadangkan oleh Lincoln dan Guba [24] untuk memastikan kualiti dan kesahan penyelidikan. Kebolehpercayaan (*credibility*) dipastikan melalui triangulasi sumber data yang melibatkan pengumpulan data daripada pelbagai jenis informan dan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data. Semakan ahli (*member checking*) dilaksanakan dengan membentangkan dapatan awal kepada beberapa informan untuk pengesahan. Keteralihan (*transferability*) dicapai melalui penerangan terperinci tentang konteks kajian, ciri-ciri informan, dan proses penyelidikan yang membolehkan pembaca menilai kebolegunaan dapatan dalam konteks lain.

Kebolehpercayaan (*dependability*) dipastikan melalui audit trail yang menyeluruh yang mendokumentasikan semua keputusan dan proses penyelidikan. Pengesahan (*confirmability*) dicapai melalui reflektif penyelidik di mana bias dan andaian penyelidik dikenal pasti dan dikawal sepanjang proses penyelidikan. Proses etika ini dipatuhi sepenuhnya termasuk mendapatkan persetujuan termaklum, menjamin kerahsiaan data, dan menghormati autonomi peserta.

6. Dapatan dan Perbincangan

6.1 Faktor Persekitaran dan Dalaman yang Mempengaruhi Pembangunan Keusahawanan Sosial

Dapatan kajian mendedahkan bahawa faktor dalaman memainkan peranan asas dalam membentuk landskap keusahawanan sosial komuniti nelayan. Nilai gotong-royong yang telah sebatik dalam budaya komuniti nelayan merupakan modal sosial yang berharga yang boleh diinstitusikan menjadi model kerjasama ekonomi. Menurut teori modal sosial Putnam [31], jaringan sosial yang kukuh dan norma timbal balik dalam komuniti nelayan membentuk aset tidak ketara yang boleh dikapitalisasi untuk pembangunan keusahawanan sosial.

Amalan kongsi rezeki atau sistem perkongsian hasil yang sedia wujud dalam kalangan nelayan sebenarnya menyediakan asas untuk model perkongsian keuntungan yang lebih formal dalam perusahaan sosial. Ketaatan kepada ajaran Islam pula menjadi pengaruh signifikan dalam membentuk etika kerja dan amalan perniagaan, di mana prinsip halal, tolong-menolong (*ta'awun*), dan keadilan boleh diintegrasikan dalam model operasi. Kajian oleh Rahman *et al.*, [32] dalam *Semarak International Journal of Entrepreneurship, Economics, and Business Development (SIJEEBD)* mengesahkan bahawa modal sosial tradisional merupakan pemangkin kritikal dalam kejayaan perusahaan sosial komuniti.

Dari perspektif faktor luaran, dasar kerajaan yang sering berubah-ubah menimbulkan ketidakpastian dalam perancangan jangka panjang usaha keusahawanan sosial. Kajian mendapati bahawa dasar import ikan yang tidak terkawal dan pemberian lesen kepada kapal asing secara langsung menjejaskan daya saing nelayan tempatan. Sokongan institusi seperti agensi kerajaan dan bank sering terhad kepada pembiayaan awal tanpa disertai bimbingan berterusan dan akses kepada rangkaian pasaran yang lebih luas. Isu akses pasaran pula diperburukkan oleh dominasi orang tengah yang mengawal saluran pengedaran, di samping kekurangan kemudahan pemprosesan dan rantai sejuk yang menyebabkan nelayan terpaksa menjual hasil tangkapan segar pada harga yang rendah. Keadaan ini memerlukan intervensi strategik yang menyeluruh bagi mewujudkan ekosistem yang menyokong pertumbuhan keusahawanan sosial yang mampan.

6.2 Analisis Keberkesanan Program dan Dasar Sedia Ada

Kajian mendapati bahawa program bantuan sedia ada menghadapi beberapa kelemahan struktur yang mengehadkan keberkesanannya. Pendekatan *top-down* dalam program seperti subsidi bahan api dan geran mikro gagal mengambil kira keperluan spesifik dan pengetahuan tempatan komuniti nelayan. Menurut kerangka pembangunan berasaskan aset Kretzmann & McKnight [20], pendekatan semasa yang berfokus pada kelemahan komuniti perlu diubah kepada pendekatan yang mengenal pasti dan membina atas aset sedia ada komuniti.

Kenyataan informan yang menyatakan "Kita terima bantuan, habis saja bantuan, kita kembali susah semula" mencerminkan fenomena ketergantungan yang dihasilkan oleh model bantuan konvensional. Kajian Ismail [12] dalam *Semarak International Journal of Islamic Studies and Culture* (SIJISC) menunjukkan bahawa program pembangunan yang mengintegrasikan nilai-nilai Islam mempunyai kadar penerimaan dan keberkesanan yang lebih tinggi dalam kalangan komuniti Muslim.

Program yang berjaya didapati mempunyai ciri-ciri khusus termasuk tempoh pelaksanaan yang mencukupi, penyertaan komuniti dalam perancangan, dan pendekatan pembangunan kapasiti yang holistik. Program yang hanya menawarkan bantuan kewangan tanpa komponen pembangunan kemahiran pengurusan, pemasaran, dan inovasi produk didapati kurang berkesan dalam jangka panjang. Kajian juga menunjukkan bahawa program yang mengintegrasikan komponen pendidikan kewangan dan literasi digital menunjukkan hasil yang lebih memberangsangkan.

Pendekatan "bantuan plus" yang menggabungkan bantuan material dengan latihan kemahiran dan akses kepada rangkaian pasaran terbukti lebih efektif dalam membina daya tahan ekonomi komuniti nelayan. Bakar *et al.*, [4] turut mengesahkan bahawa pendekatan holistik yang menggabungkan bantuan material dan pembangunan insan memberikan impak yang lebih berkekalan.

6.3 Potensi Integrasi Nilai Islam dan Budaya Tempatan dalam Model Keusahawanan Sosial

Dapatan kajian menunjukkan potensi besar untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dan amalan budaya tempatan dalam membangunkan model keusahawanan sosial yang autentik dan berkesan. Nilai-nilai Islam seperti amanah, keadilan, dan ihsan boleh diterjemahkan menjadi prinsip tadbir urus dan operasi perniagaan yang kukuh. Konsep amanah boleh diinstitusikan dalam bentuk sistem akauntabiliti dan ketelusan pengurusan, manakala prinsip keadilan boleh diaplikasikan dalam model pengagihan hasil yang saksama. *Ihsan* atau *excellence* dalam kerja pula boleh dijadikan budaya kualiti dalam perusahaan sosial. Menurut Abdullah *et al.*, [1] menegaskan bahawa "integrasi *maqasid al-shariah* dalam model ekonomi komuniti memastikan aktiviti produktif tidak terpisah daripada nilai kerohanian dan etika".

Amalan budaya tempatan seperti pantang larang dalam penangkapan ikan yang mempunyai nilai konservasi boleh dijadikan asas untuk amalan perikanan lestari yang berasaskan pengetahuan tradisional. Upacara tradisional seperti ritual memulai musim tangkapan atau amalan pantang tertentu semasa musim pembiakan ikan sebenarnya menyamai konsep pengurusan sumber yang lestari dalam paradigma moden. Integrasi nilai-nilai ini bukan sahaja memastikan penerimaan komuniti tetapi juga mengekalkan kelestarian budaya dan alam sekitar. Berdasarkan kepada kajian Salleh dan Kamaruddin [34] mendapati bahawa komuniti yang mengekalkan amalan tradisional yang selari dengan nilai Islam menunjukkan daya tahan yang lebih tinggi terhadap cabaran ekonomi.

6.4 Keperluan Pembangunan Model Kontekstual yang Holistik

Kajian mengesahkan keperluan mendesak untuk model keusahawanan sosial yang kontekstual dengan realiti komuniti nelayan Malaysia. Model ini perlu mengambil kira kedua-dua aspek material dan spiritual dalam pembangunan komuniti, selari dengan pendekatan pembangunan manusia yang holistik. Dari perspektif material, model perlu menangani isu akses kepada modal, teknologi, dan pasaran. Dari

aspek spiritual, model perlu memelihara dan mengukuhkan nilai-nilai kerohanian dan budaya yang menjadi teras identiti komuniti.

Rahman *et al.*, [32] dalam kajian mereka menegaskan bahawa kepentingan modal sosial dan jaringan kolaboratif sebagai pemangkin kepada usahawanan sosial inklusif.

Berdasarkan analisis terhadap keperluan ini, kajian mencadangkan kerangka model yang menggabungkan pendekatan "*bottom-up*" dengan bimbingan "*top-down*". Model ini perlu berasaskan pemilikan komuniti dengan sokongan institusi yang menyeluruh. Aspek-aspek kritikal yang perlu diintegrasikan termasuk mekanisme pembiayaan yang sesuai, pembangunan kapasiti yang berterusan, akses kepada teknologi sesuai, dan pembukaan pasaran yang lebih luas.

Pendekatan transformasi yang mencadangkan peralihan daripada model kebajikan kepada model pemberdayaan diperlukan untuk menangani akar umbi masalah kemiskinan dalam kalangan komuniti nelayan. Model ini perlu mampu mengubah peranan nelayan daripada sekadar penerima bantuan kepada pemilik-pengusaha perusahaan sosial yang berdaya saing, sekaligus mewujudkan kitaran pembangunan yang mampan. Justeru itu, menurut Bakar *et al.*, [4] turut mencadangkan bahawa pendekatan berasaskan komuniti dengan integrasi nilai Islam mampu mencipta model ekonomi yang lebih berdaya tahan dan inklusif.

7. Cadangan Model Konseptual Pembangunan Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan

Berdasarkan dapatan kajian, Model Konseptual Pembangunan Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan (MKPKSN) dicadangkan seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1. Model Konseptual Pembangunan Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan (MKPKSN)

7.1 Penjelasan Komponen Model

7.1.1 Teras Nilai Islam (Maqasid al-Shariah)

Teras model ini merujuk kepada rajah 1 berasaskan kerangka *maqasid al-shariah* yang menyediakan asas epistemologi dan aksiologi untuk pembangunan keusahawanan sosial komuniti nelayan. Menurut al-Ghazali [2] dalam kitab *al-Mustasfa*, *maqasid al-shariah* merangkumi pemeliharaan lima perkara asas (*al-daruriyyat al-khamsah*) yang menjadi teras kesejahteraan manusia. Dalam konteks keusahawanan sosial komuniti nelayan, pemeliharaan agama (*hifz al-din*) diterjemahkan melalui pengintegrasian nilai-nilai Islam dalam amalan perniagaan, memastikan aktiviti ekonomi tidak terpisah daripada tuntutan spiritual. Pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) dilaksanakan melalui penjagaan keselamatan dan kesihatan nelayan, serta menjamin sumber makanan yang berkualiti. Pemeliharaan akal (*hifz al-aql*) dicapai melalui program pendidikan dan pembangunan kapasiti yang berterusan. Pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*)

ditunjukkan melalui pengukuhan institusi keluarga dan komuniti. Manakala pemeliharaan harta (hifz al-mal) direalisasikan melalui pengurusan sumber yang lestari dan pengagihan kekayaan yang saksama. Pendekatan holistik ini selari dengan dapatan Abdullah *et al.*, [1] yang menegaskan bahawa integrasi *maqasid al-shariah* memastikan aktiviti ekonomi komuniti seimbang dari aspek material dan spiritual.

7.1.2 Pemberdayaan komuniti

Komponen pemberdayaan komuniti dalam model ini merujuk kepada proses transformatif yang membolehkan komuniti nelayan meningkatkan kawalan terhadap kehidupan dan sumber ekonomi mereka. Berdasarkan teori pemberdayaan Freire [8], pendekatan ini menekankan kesedaran kritis (*conscientization*) di mana komuniti didorong untuk menganalisis realiti sosial mereka secara kritis dan mengambil tindakan transformatif. Proses pemberdayaan dilaksanakan melalui tiga dimensi utama: psikologi, sosial dan ekonomi. Dimensi psikologi pula melibatkan pembinaan keyakinan diri dan sikap positif melalui latihan dan mentor.

Selain itu, dimensi sosial merangkumi pengukuhan jaringan sosial dan kepimpinan komuniti. Dimensi ekonomi pula melibatkan pembangunan kemahiran keusahawanan dan akses kepada sumber produktif. Kajian oleh Ismail [12] menunjukkan bahawa pendekatan pemberdayaan berasaskan nilai Islam mampu meningkatkan autonomi dan daya tahan ekonomi komuniti. Model ini menggunakan pendekatan *bottom-up* yang melibatkan komuniti dalam semua peringkat pembangunan, dari perancangan hingga pelaksanaan dan penilaian, bagi memastikan keberkesanan dan kemampunan program.

7.1.3 Struktur perniagaan kolektif

Struktur perniagaan kolektif dalam model ini berdasarkan paradigma ekonomi sosial yang menekankan pemilikan bersama dan pengurusan demokratik. Bentuk organisasi seperti koperasi sosial, amanah komuniti dan perusahaan sosial komuniti dipilih kerana kesesuaiannya dengan nilai kolektivisme dalam komuniti nelayan. Menurut teori ekonomi kelembagaan (*institutional economics*) North [26], struktur organisasi yang selari dengan norma dan nilai masyarakat setempat mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk berjaya.

Koperasi sosial khususnya menyediakan platform untuk mengintegrasikan prinsip keusahawanan dengan matlamat sosial melalui mekanisme pemilikan bersama, pengurusan demokratik, dan pengagihan hasil yang saksama. Struktur ini membolehkan komuniti nelayan mengawal rantai nilai dari pengeluaran hingga pemasaran, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada perantara. Kajian Rahman *et al.*, [32] mengesahkan bahawa model perniagaan kolektif berasaskan komuniti menunjukkan prestasi yang lebih baik dari aspek kemampunan dan impak sosial berbanding model perniagaan individu.

7.1.4 Ekosistem kolaboratif

Ekosistem kolaboratif dalam model ini merujuk kepada rangkaian hubungan sinergi antara pelaku-pelaku utama dalam pembangunan keusahawanan sosial komuniti nelayan. Berdasarkan teori ekosistem keusahawanan (*entrepreneurship ecosystem*) oleh Stam [35], komponen ini menekankan interaksi antara enam domain: dasar, kewangan, budaya, sokongan, modal manusia dan pasaran. Dalam konteks komuniti nelayan, ekosistem kolaboratif melibatkan perkongsian strategik antara komuniti nelayan, agensi kerajaan, institusi kewangan Islam, universiti, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil.

Kerjasama ini membolehkan perkongsian sumber, pengetahuan dan rangkaian yang penting untuk kejayaan usaha keusahawanan sosial. Kajian oleh Bakar *et al.*, [4] menunjukkan bahawa kolaborasi efektif antara pihak berkepentingan mampu meningkatkan keupayaan inovasi dan daya saing perusahaan sosial komuniti. Model ini mencadangkan penubuhan platform kolaboratif berasaskan daerah yang berfungsi sebagai hab koordinasi dan sokongan untuk usahawan sosial komuniti nelayan.

7.1.5 Keberhasilan holistik

Pengukuran keberhasilan holistik dalam model ini melampaui metrik kewangan konvensional dengan mengintegrasikan penanda aras kesejahteraan komprehensif (*al-falah*). Berdasarkan kerangka pembangunan manusia United Nations Development Programme (UNDP) dan pendekatan *maqasid al-shariah*, keberhasilan diukur melalui empat dimensi: ekonomi, sosial, spiritual dan alam sekitar. Dimensi ekonomi merangkumi peningkatan pendapatan, pemilikan aset dan akses kepada perkhidmatan kewangan.

Dari aspek yang lain, dimensi sosial meliputi pengukuhan kohesi sosial, kesihatan dan pendidikan. Aspek spiritual pula merujuk kepada peningkatan kualiti hidup berasaskan nilai Islam. Dimensi alam sekitar pula melibatkan kelestarian sumber marin dan amalan konservasi. Pendekatan pengukuran ini selari dengan konsep *triple bottom line* yang diperluas untuk memasukkan dimensi spiritual, seperti yang dicadangkan oleh Salleh dan Kamaruddin [34]. Model ini menggunakan sistem pemantauan dan penilaian berasaskan hasil atau natijah yang melibatkan komuniti dalam proses penilaian bagi memastikan keberhasilan yang diukur benar-benar mencerminkan keperluan dan aspirasi komuniti.

8. Implikasi, Kesimpulan dan Cadangan Lanjutan

8.1 Implikasi Kajian

Kajian ini membawa implikasi penting terhadap perbincangan pembangunan sosioekonomi dalam tiga domain utama, iaitu teori, amalan dan dasar, namun implikasi tersebut perlu difahami secara bersyarat dan bergantung kepada konteks pelaksanaan.

Dari sudut implikasi teoritis, kajian ini memperluas wacana keusahawanan sosial Islam dengan mengemukakan satu kerangka konsep indigenous yang berasaskan paradigma *maqāsid al-sharī'ah*. Berbeza daripada kebanyakan model keusahawanan sosial sedia ada yang berakar dalam tradisi teori Barat dan bersifat universalistik, model yang dicadangkan cuba mengkonseptualisasikan keusahawanan sosial sebagai proses normatif yang tertanam dalam nilai agama, budaya dan struktur sosial komuniti Muslim. Dengan itu, kajian ini menyumbang kepada usaha pembinaan teori tempatan (*indigenous theory building*), khususnya dalam mengoperasionalisasikan *maqāsid al-sharī'ah* dalam konteks pembangunan komuniti. Walau bagaimanapun, sumbangan teoritis ini masih bersifat konseptual dan kontekstual, serta memerlukan pengesahan empirikal merentas konteks yang lebih luas sebelum ia boleh dianggap sebagai kerangka teoritik yang mantap dan boleh digeneralisasikan.

Dari perspektif implikasi praktikal, walaupun Model Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan menawarkan potensi sebagai panduan operasional kepada pengamal pembangunan komuniti, keberkesanan pelaksanaannya sangat bergantung kepada beberapa prasyarat institusi dan sumber. Antaranya termasuk ketersediaan pembiayaan permulaan yang mampan, kapasiti pengurusan organisasi komuniti seperti koperasi sosial, serta keupayaan kepimpinan tempatan untuk mengurus konflik, akauntabiliti dan pembahagian manfaat secara adil. Tanpa pelaburan yang konsisten dalam pembangunan kapasiti, latihan tadbir urus dan mekanisme pemantauan, perusahaan sosial komuniti berisiko mengulangi kelemahan pendekatan pembangunan terdahulu, seperti kebergantungan kepada agensi luar, penguasaan oleh kelompok tertentu dan kegagalan mencapai kelestarian jangka panjang. Oleh itu, nilai praktikal model ini tidak boleh ditafsirkan sebagai penyelesaian universal, sebaliknya sebagai satu kerangka panduan yang memerlukan adaptasi kontekstual dan sokongan institusi yang berterusan [18].

Dari segi implikasi dasar, dapatan kajian ini menyokong keperluan untuk menilai semula orientasi dasar pembangunan komuniti pesisir yang selama ini lebih menekankan pendekatan bantuan jangka pendek. Namun, peralihan kepada pendekatan pemberdayaan berasaskan keusahawanan sosial menuntut perubahan struktur dasar yang lebih mendalam, termasuk penyesuaian rangka perundangan, penyelarasan antara agensi pelaksana dan pembangunan instrumen pembiayaan Islam yang sesuai

dengan realiti perusahaan sosial komuniti. Cabaran tadbir urus seperti fragmentasi institusi, pertindihan fungsi dan ketidakkonsistenan pelaksanaan dasar berpotensi mengekang keberkesanan model ini sekiranya tidak ditangani secara sistemik. Selain itu, integrasi *maqāṣid al-sharī'ah* dalam perumusan dasar pembangunan memerlukan pembangunan indikator prestasi yang melangkaui ukuran ekonomi konvensional, namun proses penginstitusian indikator sedemikian masih berdepan kekangan metodologi dan birokrasi.

Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kekuatan Model Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan terletak pada keupayaannya menawarkan kerangka normatif dan konseptual yang selari dengan nilai komuniti Muslim, namun keberkesanannya dalam amalan sangat dipengaruhi oleh faktor sumber, kapasiti institusi dan kualiti tadbir urus. Sehubungan itu, kajian ini menekankan keperluan penyelidikan lanjutan yang lebih bersifat analitikal, termasuk pengujian empirikal model melalui kajian rintis, analisis perbandingan dengan komuniti bukan nelayan, serta penilaian impak jangka panjang terhadap kesejahteraan ekonomi, sosial dan spiritual komuniti sebelum model ini boleh disarankan untuk aplikasi dasar pada skala yang lebih luas.

9. Kesimpulan

Kajian ini berjaya mencapai objektifnya untuk membangunkan Model Konseptual Pembangunan Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan (MKPKSN) yang holistik dan berasaskan Maqasid al-Shariah. Model ini menawarkan penyelesaian transformatif kepada masalah kemiskinan multidimensi dalam kalangan komuniti nelayan melalui pendekatan yang kontekstual dan berasaskan nilai-nilai murni. Berdasarkan dapatan empirikal yang dikumpul daripada komuniti nelayan di Wilayah Utara Malaysia, kajian membuktikan bahawa pendekatan keusahawanan sosial yang mengintegrasikan nilai-nilai Islam dan budaya tempatan mempunyai potensi besar untuk mencipta impak sosioekonomi yang mampan.

Kajian ini menegaskan bahawa kejayaan pembangunan keusahawanan sosial komuniti nelayan bergantung kepada lima elemen kritikal: pemerkasaan nilai Islam sebagai teras moral, pendekatan pemberdayaan komuniti yang holistik, struktur perniagaan kolektif yang inklusif, ekosistem kolaboratif yang menyokong, dan pengukuran keberhasilan yang komprehensif. Integrasi elemen-elemen ini dalam satu kerangka konseptual yang koheren menyediakan landasan untuk transformasi sosioekonomi komuniti nelayan yang bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan material tetapi juga memelihara identiti spiritual dan budaya.

Kesimpulannya, model yang dicadangkan dalam kajian ini mempunyai nilai praktikal yang signifikan untuk pelbagai pihak berkepentingan termasuk komuniti nelayan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, dan penggubal dasar. Pelaksanaan model ini dijangka dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan mampan (SDG) dan aspirasi negara dalam membangunkan komuniti yang sejahtera dan berdikari.

9.1 Cadangan Lanjutan

Berdasarkan dapatan dan batasan kajian ini, beberapa cadangan penyelidikan lanjutan dicadangkan bagi mengukuhkan kesahan empirikal dan kebolehgunaan Model Keusahawanan Sosial Komuniti Nelayan (MKSKN). **Pertama**, kajian masa hadapan perlu memberi tumpuan kepada pengujian empirikal model melalui kajian tindakan atau reka bentuk longitudinal bagi menilai keberkesanan pelaksanaan, dinamik tadbir urus dan hasil sosioekonomi dalam konteks sebenar komuniti nelayan. Pelaksanaan projek rintis di beberapa lokasi terpilih dapat membantu menilai kebolehlaksanaan model serta mengenal pasti penyesuaian kontekstual yang diperlukan.

Kedua, kajian perbandingan antara komuniti nelayan dan bukan nelayan dicadangkan untuk menilai tahap kebolehpindahan model serta mengenal pasti elemen yang bersifat khusus konteks berbanding

elemen yang boleh digeneralisasikan. Pendekatan ini berpotensi memperkuat sumbangan teoritis model dalam wacana keusahawanan sosial berasaskan nilai.

Ketiga, penyelidikan lanjutan perlu memfokuskan pembangunan dan pengesahan instrumen pengukuran keberhasilan holistik berasaskan *maqāsid al-sharī'ah* yang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, spiritual dan alam sekitar. Pengukuran impak secara longitudinal adalah penting bagi menilai kemampuan jangka panjang intervensi keusahawanan sosial komuniti.

Keempat, kajian mengenai peranan teknologi digital dalam menyokong atau mengehadkan pelaksanaan model wajar diterokai, khususnya dalam konteks pemasaran digital, kebolehsasaran produk perikanan dan pelancongan komuniti. Akhir sekali, penyelidikan mengenai mekanisme pembiayaan inovatif, termasuk pembiayaan Islam dan pelaburan impak, perlu diperkukuh bagi memastikan kemampuan kewangan perusahaan sosial komuniti.

Penghargaan

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang dana penyelidikan.

Rujukan

- [1] Wulandari, Nurul, and Abdul Aziz. "Integrating Maqāsid al-Shariah into the Sustainable Development Goals: A Comparative Analysis from an Islamic Economic Perspective." *JEKSYAH: Islamic Economics Journal* 5, no. 02 (2025): 116-128.. <https://doi.org/10.54045/jeksyah.v5i02.2837>
- [2] Al-Ghazali, A. H. M. (1993). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [3] Al-Raysuni, Ahmad. *Imam al-Shatibi's theory of the higher objectives and intents of Islamic law*. International Institute of Islamic Thought (IIIT), 2005.
- [4] Rapi, Muh Zul Hazmi, Syarah Syahira Mohd Yusoff, Siti Nursyawani Misman, and Rusni Hassan. "Islamic social finance as a catalyst for growth among B40 single-motherpreneurs in Malaysia." *Ulum Islamiyyah* 37, no. 03 (2025): 35-45. <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no03.659>
- [5] Braun, Virginia, and Victoria Clarke. "Using thematic analysis in psychology." *Qualitative research in psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- [6] Dees, J. G. (2001). *The meaning of social entrepreneurship*. Centre for the Advancement of Social Entrepreneurship.
- [7] Dusuki, Asyraf Wajdi, and Nurdianawati Irwani Abdullah. "Maqasid al-Shariah, Maslahah, and corporate social responsibility." *American Journal of Islamic Social Sciences* 24, no. 1 (2007): 25.. <https://doi.org/10.35632/ajis.v24i1.415>
- [8] Freire, P. (1970). *Pedagogy of the Oppressed*. New York: Continuum Books
- [9] Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2023). *Pendekatan Maqasid al-Shariah dalam pembangunan sosioekonomi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- [10] Institut Penyelidikan Marin Malaysia. (2023). *Keusahawanan sosial dalam komuniti pesisir*. MIMA.
- [11] Institut Penyelidikan Pembangunan Malaysia. (2023). *Laporan keberkesanan program bantuan nelayan*. Putrajaya: IPPM.
- [12] Faoziyah, Sitti. "Community Empowerment Through Religious Education and Islamic Social-Resilience." *Dinamika Ilmu* 22, no. 2 (2022): 293-316.. <https://doi.org/10.21093/di.v22i2.4967>
- [13] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan sosioekonomi komuniti pesisir*. Putrajaya: DOSM.
- [14] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2021*. Putrajaya: DOSM.
- [15] Jabatan Perdana Menteri. (2023). *Laporan penyelarasan program pembangunan komuniti*. Putrajaya: JPM.
- [16] Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2022). *Pelan induk pembangunan luar bandar 2021-2025*. Putrajaya: KPLB.
- [17] Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2022). *Laporan program keusahawanan sosial komuniti nelayan*. KPLB.
- [18] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar pendidikan keusahawanan*. Putrajaya: KPM.
- [19] Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. (2023). *Dasar pembangunan industri perikanan negara*. Putrajaya: KPM.
- [20] Kretzmann, John P., and John McKnight. "Building communities from the inside out." (1993).
- [21] Laporan Audit Negara. (2023). *Laporan khas: Pengurusan program pembangunan nelayan*. Putrajaya: Jabatan Audit Negara.
- [22] Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. (2023). *Laporan tahunan 2022: Transformasi industri perikanan negara*. Putrajaya: LKIM.

- [23] Lembaga Tabung Haji. (2023). *Pembiayaan Islam untuk keusahawanan sosial*. TH.
- [24] Lincoln, Yvonna S. *Naturalistic inquiry*. Vol. 75. sage, 1985.
- [25] Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). Sage Publications.
- [26] North, Douglass C. *Institutions, institutional change and economic performance*. Cambridge university press, 1990.
- [27] Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- [28] Pusat Kajian Ekonomi Islam Universiti Malaya. (2023). *Pembangunan komuniti berasaskan Maqasid al-Shariah*. UKM.
- [29] Pusat Kajian Sosial Malaysia. (2023). *Model keusahawanan sosial berasaskan nilai tempatan*. Kuala Lumpur: PPSM.
- [30] Pusat Pembangunan Keusahawanan Sosial Malaysia. (2023). *Model keusahawanan sosial tempatan*. MaGIC.
- [31] Putnam, Robert D. "Bowling alone: The collapse and revival of American community." *Simon Schuster* (2000).
- [32] Abdullah, S., Ishak, A. S., Daud Fhiri, N. S., Hussin, N. S., Azmin, A. A., Tengku Yaakob, T. K. S., & Ramli, A. J. (2025). Integrating Zakat Capital Assistance with Social Entrepreneurship: A Sustainable Model for Empowering Asnaf Microentrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practises (IJEMP)*, 8(31), 01–13. <https://doi.org/10.35631/IJEMP.831001>
- [33] Saldana, J. (2021). *The coding manual for qualitative researchers* (4th ed.). Sage Publications.
- [34] Salleh, N. H., & Kamaruddin, R. (2023). Towards indigenous models of Islamic social entrepreneurship in Southeast Asia. *Semarak International Journal of Islamic Studies and Culture (SIJISC)*, 1(1), 1-14.
- [35] Stam, Erik. "Entrepreneurial ecosystems and regional policy: a sympathetic critique." *European planning studies* 23, no. 9 (2015): 1759-1769. <https://doi.org/10.1080/09654313.2015.1061484>
- [36] Universiti Malaysia Sabah. (2023). *Kajian keberkesanan model keusahawanan sosial dalam komuniti pesisir*. UMS.
- [37] Universiti Malaysia Sarawak. (2023). *Modal sosial dan keusahawanan komuniti*. UNIMAS.
- [38] Universiti Malaysia Terengganu. (2023). *Kajian literasi keusahawanan dalam kalangan komuniti nelayan*. Kuala Terengganu: UMT Press.
- [39] Universiti Malaysia Terengganu. (2023). *Laporan akhir kajian keberkesanan program pembangunan komuniti pesisir*. UMT Press.
- [40] Universiti Putra Malaysia. (2023). *Jaringan sosial dalam keusahawanan komuniti*. UPM.
- [41] Van Manen, Max. *Researching lived experience: Human science for an action sensitive pedagogy*. Routledge, 2016.
- [42] World Bank. (2022). *Coastal community development: Lessons from global experiences*. World Bank Publications.
- [43] Yunus, Muhammad, and Karl Weber. *Building social business: The new kind of capitalism that serves humanity's most pressing needs*. Public Affairs, 2010.